

27/08/2003

Persembahan era empat PM

Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Era kepemimpinan empat Perdana Menteri akan diketengahkan dalam persembahan kira-kira 6,000 peserta Kumpulan Simfoni Rakyat pada sambutan dan perarakan Hari Kebangsaan ke-46, Ahad ini.

Pengarah Persembahan, Suhaimi Mohd Zain atau lebih dikenali dengan nama Pak Ngah, berkata pihaknya membahagikan persembahan kepada empat komponen yang masing-masing menggambarkan kepemimpinan berbeza.

"Setiap komponen mempunyai persembahan berbeza dari segi lagu, gerak tari dan mesej mengikut era masing-masing," katanya selepas raptai di Dataran Putrajaya, di sini, semalam.

Persembahan bermula dengan era Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman yang membawa mesej kehidupan masyarakat pelbagai kaum. Oleh kerana Perdana Menteri pertama berasal dari Kedah, lagu yang digunakan ialah Cinta Sayang yang berasal dari Kedah.

Ini diikuti era kepemimpinan Tun Abdul Razak Hussein dengan konsep pembangunan negara menerusi kegiatan pertanian sesuai gelaran Bapa Pembangunan.

Gerak laku petani dipersembahkan yang menggambarkan kehebatan kepemimpinan Tun Razak dengan aktiviti pertanian menerusi 'Buku Hijau'. Tidak ketinggalan dipersembahkan lagu Joget Pahang, lagu tradisional yang terkenal di Pahang.

Era Tun Hussein Onn pula yang terkenal dengan perpaduan rakyat menggambarkan keharmonian pelbagai kaum, termasuk masyarakat di Sabah dan Sarawak. Tarian zapin turut dipersembahkan.

Dalam era pentadbiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Kumpulan Simfoni Rakyat menampilkan formasi logo merdeka dan menggambarkan kehebatan negara dalam bidang teknologi.

Dengan menggunakan lagu Malaysia Baru dan Wawasan 2020, persembahan turut diselit sajak Perjuangan Belum Selesai yang dihasilkan Dr Mahathir.

Kumpulan Simfoni Rakyat membabitkan 3,000 Simfoni Gendang Rakyat Malaysia, 2,000 Kumpulan Tari dan koir (1,000). Pesertanya terdiri daripada beberapa kumpulan negeri, profesional dan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT).

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kecil Perbarisan dan Persembahan Padang, Datuk Mohamad Mohd Noor, berkata seramai 22,640 peserta akan mengambil bahagian dalam perarakan dan persembahan.

Selain itu, 20 pesawat, 18 kereta berhias dan 220 pelbagai jenis kenderaan akan digunakan dalam perarakan itu. Ia adalah penyertaan terbesar pelbagai jenis pesawat khususnya oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Dalam perarakan itu, 64 kontinjen mengambil bahagian, 16 kontinjen pancaragam sekolah dan enam pancaragam agensi kerajaan.

Acara bermula dengan ketibaan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, diikuti nyanyian lagu Negaraku. Seri Paduka kemudian menerima tabik hormat daripada Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja dan memeriksa perbarisan di Dataran Putrajaya.

Acara diteruskan ikrar Rukun Negara, teriakan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali, deklamasi sajak dan persembahan Simfoni Rakyat Malaysia.